

**KEMENTERIAN PENDIDIKAN
PEJABAT PENDIDIKAN DAERAH BAU**

**KERTAS KERJA
PROGRAM *PIOBUOK GAWEA SOWA* 2026
PEJABAT PENDIDIKAN DAERAH BAU**

PEJABAT PENDIDIKAN DAERAH BAU
d/a SMK Singai
Jalan Kampung Apar-Singai
94000 Bau

**KERTAS KERJA
PROGRAM PIOBUOK GAWEA SOWA 2026
PEJABAT PENDIDIKAN DAERAH BAU**

1. LATAR BELAKANG

Program **Piobuok Gawe Sowa 2026**, yang membawa maksud "**Penutup Gawai Tahun 2026**" dalam bahasa Dayak Bidayuh, merupakan program tahunan yang dianjurkan oleh warga kerja berbangsa Dayak di Pejabat Pendidikan Daerah (PPD) Bau. Penganjuran program ini bertujuan untuk meraikan sambutan penutupan perayaan Gawai di samping memperkukuh semangat perpaduan, keharmonian dan kerjasama dalam kalangan warga PPD Bau yang terdiri daripada pelbagai latar belakang kaum dan budaya.

Program ini turut menjadi medium untuk memperkenalkan serta memartabatkan warisan budaya masyarakat Dayak melalui penghayatan terhadap adat resam, makanan tradisional, pakaian, tarian dan muzik. Pendedahan ini memberi peluang kepada seluruh warga PPD Bau untuk memahami, menghargai dan meraikan kepelbagaian budaya sebagai sebahagian daripada identiti masyarakat majmuk di Malaysia.

Selaras dengan aspirasi membentuk organisasi yang inklusif dan berbudaya tinggi, Program Piobuok Gawe Sowa 2026 menggalakkan pengamalan nilai-nilai murni seperti hormat-menghormati, toleransi, kebersamaan dan semangat kekitaan. Penganjuran program ini diharapkan dapat mengeratkan hubungan silaturahim, meningkatkan kesedaran budaya serta mewujudkan persekitaran kerja yang lebih harmoni, kondusif dan saling menghargai. Justeru, program ini bukan sahaja menjadi simbol penghargaan terhadap warisan budaya Dayak, malah mencerminkan komitmen PPD Bau dalam memperkukuh perpaduan dan menyemai budaya kerja yang positif dalam organisasi.

2. OBJEKTIF

- i. **Memperkukuh semangat perpaduan, silaturahim dan kerjasama** dalam kalangan warga Pejabat Pendidikan Daerah Bau melalui penglibatan dalam aktiviti yang berteraskan nilai kebersamaan dan saling menghormati;
- ii. **Meningkatkan kefahaman serta penghargaan terhadap kepelbagaian budaya**, khususnya budaya masyarakat Dayak, sebagai usaha memupuk semangat toleransi dan keharmonian dalam organisasi;
- iii. **Memartabatkan warisan budaya masyarakat Dayak** dengan memperkenalkan adat resam, makanan tradisional, pakaian, tarian dan muzik kepada seluruh warga kerja; dan
- iv. **Mewujudkan persekitaran kerja yang harmoni, inklusif dan kondusif** melalui penganjuran program yang menggalakkan interaksi positif serta mengeratkan hubungan antara warga kerja pelbagai kaum dan latar belakang.

3. OUTPUT / FAEDAH YANG DIJANGKA

- i. **Memperkukuh perpaduan dan semangat kebersamaan** dalam kalangan warga kerja melalui penglibatan aktif dalam aktiviti yang menggalakkan kerjasama, saling menghormati dan interaksi merentas budaya;
- ii. **Meningkatkan kesedaran serta penghargaan terhadap kepelbagaian budaya**, khususnya budaya masyarakat Dayak, sekali gus menyemai nilai toleransi, hormat-menghormati dan kefahaman antara kaum dalam persekitaran kerja;
- iii. **Memelihara dan memartabatkan warisan budaya masyarakat Dayak** dengan memperkenalkan adat resam, makanan tradisional, pakaian, tarian dan muzik kepada seluruh warga kerja sebagai sebahagian daripada usaha memupuk penghargaan terhadap warisan budaya tempatan; dan
- iv. **Meningkatkan motivasi dan kesejahteraan warga kerja** melalui penganjuran program yang menggalakkan keseimbangan antara tuntutan tugas dan aktiviti sosial, sekali gus menyumbang kepada persekitaran kerja yang lebih kondusif dan produktif.

4. JUSTIFIKASI PROGRAM

Selaras dengan Etos Pejabat Pendidikan Daerah Bau, "**Semaikan Kebaikan, Ikhlasikan Hati**", setiap warga kerja memainkan peranan penting dalam membudayakan amalan menyemai kebaikan melalui semangat kebersamaan, saling membantu, hormat-menghormati serta kerjasama yang erat dalam melaksanakan amanah dan tanggungjawab harian. Penghayatan terhadap etos ini bukan sahaja memperkukuh hubungan silaturahim dalam organisasi, malah turut mewujudkan persekitaran kerja yang harmoni, inklusif dan berteraskan nilai-nilai murni.

5. MAKLUMAT PROGRAM

5.1 Tarikh dan Masa

3 Julai 2026 (Jumaat)

5.2 Masa

2.30 petang – 5.00 petang

5.3 Tempat

Kantin SMK Singai

5.4 Tentatif Program

Rujuk Lampiran 1

5.5 Kumpulan Sasaran

Perkara	Bilangan
Staf PPD Bau	77 orang
Semua Pekerja Swasta	6 orang
Pengetua SMK Singai	1 orang
Jumlah Keseluruhan	84 orang

5.6 Kekangan

- i. Peruntukan bagi penganjuran program ini tertakluk kepada jumlah sumbangan staf yang berbangsa Dayak;
- ii. Kekangan tempat atau ruang untuk melaksanakan program dalam skala yang besar pada satu-satu masa; dan
- iii. Kekangan masa kerana semua staf sibuk dengan tugas masing masing.

5.7 Penyertaan serta Jalinan / Jaringan

- i. Semua pegawai ikhtisas, PTIS dan AKP PPD Bau terlibat; dan
- ii. Jalinan dengan SMK Singai bagi kegunaan kantin.

6. PELAKSANAAN PROGRAM

Majlis Sambutan Hari **Piobuok Gawea Sowa** semua staf PPD Bau akan diadakan di Kantin SMK Singai.

7. KOS / IMPLIKASI KEWANGAN

Penganjuran aktiviti ini adalah berdasarkan sumbangan yang dikutip daripada setiap staf (pegawai ikhtisas dan AKP) yang berbangsa Dayak sahaja.

7.1 Sumber Kewangan

PERUNTUKAN	JUMLAH (RM)
Kutipan pegawai ikhtisas komuniti Dayak: RM50 minima x 14	700.00
Kutipan AKP komuniti Dayak: RM20 x 25	500.00
Sumbangan dari Kelab Kebajikan Staf PPD Bau	
Jumlah Keseluruhan	1,200.00

7.2 Anggaran Perbelanjaan

PERKARA	KOS (RM)
Perkhidmatan makan – minum	1,100.00
Hiasan Ranyai	100.00
Jumlah Keseluruhan	1,200.00

8. JAWATANKUASA PROGRAM

Penasihat : Pegawai Pendidikan Daerah Bau
Pengerusi : Timbalan PPD Sektor Perancangan
Penyelaras : En. Martin Frank anak Goel

Ahli-Ahli : Semua Timbalan PPD Bau
Semua Pegawai Ikhtisas PPD Bau
Semua Anggota Kumpulan Pelaksana (AKP) PPD Bau
Urus Setia : Sektor Perancangan

(Rujuk Lampiran 2 Jawatan Kuasa Kerja Program *Piobuok Gawea Sowa*)

9. PELAN PENGURUSAN RISIKO

Sekiranya tempat iaitu kantin SMK Singai tidak dapat digunakan, maka alternatif kedua adalah penyewaan kanopi dan diletakkan di hadapan perkarangan PPD Bau. Bagi memastikan kelancaran program, satu siri perjumpaan telah dirancang untuk tujuan membenteng status persiapan sehingga hari pelaksanaan:

- 9.1 Sesi Perbincangan Susulan: 1 Julai 2026
- 9.2 Persediaan tempat: 3 Julai 2026, pada jam 10.00 pagi
- 9.3 3 Julai 2026 jam 2.30 petang: Sambutan *Piobuok Gawea Sowa* 2026 PPD Bau
- 9.4 Sesi post mortem atau penambahbaikan berterusan: 9 Julai 2026 (Khamis)

10. PENUTUP


Program **Piobuok Gawea Sowa 2026** merupakan satu inisiatif yang bukan sahaja meraikan penutupan sambutan Gawai, malah menjadi platform penting dalam memperkukuh perpaduan, keharmonian dan semangat kekitaan dalam kalangan warga Pejabat Pendidikan Daerah Bau. Penganjuran program ini diharap dapat menyemai nilai-nilai murni seperti hormat-menghormati, toleransi, kerjasama dan saling menghargai, di samping meningkatkan kefahaman terhadap kepelbagaian budaya yang menjadi asas kepada masyarakat majmuk di Malaysia.

Selaras dengan Etos Pejabat Pendidikan Daerah Bau, "**Semaikan Kebaikan, Ikhlasikan Hati**", program ini diharapkan dapat memperkuat hubungan silaturahmi, membudayakan amalan kerja berpasukan serta mewujudkan persekitaran kerja yang lebih harmoni, inklusif dan kondusif. Selain itu, program ini turut menjadi medium untuk memartabatkan warisan budaya masyarakat Dayak sebagai sebahagian daripada khazanah budaya negara yang wajar dipelihara dan dihargai oleh semua warga organisasi.

Justeru, adalah diharapkan agar pelaksanaan Program **Piobuok Gawea Sowa 2026** mendapat sokongan dan kerjasama daripada semua pihak bagi memastikan objektif yang telah ditetapkan dapat dicapai dengan jayanya. Kejayaan program ini diyakini akan memberikan impak positif kepada pembentukan budaya kerja yang cemerlang, memperkuat semangat kebersamaan serta menyumbang kepada kecemerlangan dan kesejahteraan organisasi secara berterusan.

12. PERAKUAN PENGESAHAN


Disediakan oleh:



MARTIN FRANK ANAK GOEL
Penolong PPD, SPp
Pejabat Pendidikan Daerah Bau

Tarikh: 26.06.2026


Disemak oleh:



DANIEL WILLY ANAK RITANG
Timbakan PPD, SPp
Pejabat Pendidikan Daerah Bau

Tarikh: 26.06.2026

Disahkan oleh:



EDWARD ANAK NGELAI
Pegawai Pendidikan Daerah
Pejabat Pendidikan Daerah Bau

Tarikh: 26.6.2026

**TENTATIF ATUR CARA
PROGRAM *PIOBUOK GAWEA SOWA* 2026
PEJABAT PENDIDIKAN DAERAH BAU**

<u>Masa</u>	<u>Perkara</u>
2.00 petang :	Semua peserta berkumpul di perkarangan PPD Bau
2.15 petang :	<i>Piobuok Gawe</i> a Sowa Parade bermula
:	<i>Piobuok Gawe</i> a Sowa Parade ke Kantin SMK Singai
:	Sambutan dengan "Air Naik" kepada ketua rombongan (PPD Bau) oleh "Ketua Gawe" a", En Martin Frank anak Goel
:	Upacara Doa
:	Ucapan Pegawai Pendidikan Daerah Bau
:	<i>Toast</i> serta amanat "Oh Ha" (Iban) dan "Tara-Tara-Tara" (Bidayuh)
:	Jamuan Minum Petang
:	<i>Welcoming & Farewell</i>
	- <i>Welcoming</i> : Puan Wong Nguk Chin, Encik Christopher Dino dan Puan Venni Ngadi anak Hardison
	- <i>Farewell</i> : Puan Lee Yan Yam dan Puan Hatikah binti Ahmad
:	Sesi bergambar
:	Ranyai Gawai / Persembahan
:	<i>Acara Ngiling Bidai</i> atau <i>Morun Kasah</i>
	- Simbolik Menebang Ranyai
	- Simbolik <i>Ngiling Bidai</i> atau <i>Morun Kasah</i>
5.00 petang :	Tamat

**AHLI JAWATANKUASA KERJA
PROGRAM PIOBUOK GAWEA SOWA 2026
PEJABAT PENDIDIKAN DAERAH BAU**

BIL.	JAWATAN KUASA	SENARAI NAMA	TUGASAN
1.	Penasihat	En. Edward anak Ngelai	Memberi nasihat dan arahan kepada ahli Jawatankuasa kerja dalam pelaksanaan program
2.	Pengerusi	En. Daniel Willy anak Ritang	i. Memastikan persediaan sebelum, semasa dan selepas program berjalan lancar ii. Menubuhkan AJK Kerja program
3.	Penyelaras	En. Martin Frank anak Goel	i. Mengadakan mesyuarat / taklimat ii. Menyelaras program
4.	Kutipan Sumbangan	1. SPS – Pn. Sandra Frank 2. UKIP – Pn. Michelle Petrus 3. SPr – Cik Gloria Ajit 4. SPbM – Pn. Coroline Rosita 5. SPb- En Charles Bayang 6. SPengurusan – Pn Chelsca 7. PPD – Pn Chermi Insol 8. SPP – En. Alok anak Ijon 9. PTIS – En. Barry Evan Bendahari – Pn Sony Jana	i. Membuat kutipan sumbangan berdasarkan senarai nama staf yang berbangsa Dayak ii. Mengumpul semua kutipan di sektor/unit masing-masing iii. Menyerahkan kutipan sumbangan kepada Bendahari
5.	Makan & Minuman	1. Pn. Sony Jana (K) 2. Pn. Elia Aput 3. Pn. Michelle Petrus Alek 4. Pn. Muna anak Getor	i. Berhubung dengan pembekal makanan ii. Mengurus perihal makanan dan minuman termasuk membuat pesanan, pilihan menu makanan & minuman, menu card iii. Membuat susun atur makanan semasa majlis/program
6.	Persediaan Tempat	1. En. Frederick Tajo Miva (K) 2. En. Heywood anak Jehia 3. En. Krismac Arthur 4. En. Paul Johem	i. Menyediakan tempat majlis ii. Menyediakan dan membuat susunan kerusi dan meja iii. Mengemas tapak
7.	Hadiah Ranyai	1. Pn. Sony Jana (Ketua) 2. Pn. Chelsca Siken 3. Pn. Helen Liben	i. Membincangkan jenis hadiah yang sesuai ii. Membeli hadiah Hari Jadi iii. Mengurus hadiah Ranyai
8.	eCard Jemputan	1. En. Geland Tagal (K) 2. En. Louise Meckenzie	i. Menyediakan backdrop (maya) ii. Menyediakan eCard jemputan iii. Membuat Tinjauan Kehadiran Majlis iv. Membuat QR code kehadiran dan maklum balas Majlis
9.	Kebersihan & Keselamatan	1. En. Alok anak Ijon (K) 2. Pn. Bermice anak Lasmi 3. Pekerja Pembersihan	i. Memastikan kebersihan terjaga semasa dan selepas majlis ii. Mengurus perihal keselamatan majlis

10.	Pengacara Majlis	1. En. Charles Bayang (K) 2. Pn. Irene Mildred	i. Menyediakan teks ii. Mengacarakan Majlis
11.	Bacaan Doa	En. Mathew Anak Apok	i. Menyediakan teks doa ii. Memimpin bacaan doa
12.	Perhiasan Tempat / Ranyai	1. En. Paul Nyering (K) 2. En. Wilfred Munan 3. En. Wheeler anak Entalang 4. Pn. Chermi anak Insol	i. Menyediakan peralatan/bahan bahan Gawai Gawe ii. Menghias pentas/ Ranyai dan kawasan persekitaran tempat acara iii. Bekerjasama dengan JK Persediaan Tempat bagi perhiasan tempat
13.	Parade	1. En. Mathew Apok (K) 2. En. Christopher Dino 3. Cik Anastasia Glennie 4. En. Lester anak Anthony 5. En. Steben Vinsen	i. Menubuhkan <i>Team Parade</i> ii. Membuat Senarai Persembahan iii. Menyediakan dan mengurus persembahan iv. Menyediakan alat muzik
14.	Siaraya	1. En. Barry Evan (K) 2. En. Roysteen Tinda	i. Menyediakan peralatan siaraya berdasarkan keperluan ii. Mengurus siaraya semasa majlis berlangsung
15.	Jurugambar	1. En. Heywood Jehia (K) 2. En. Louis Mackenzie	i. Mengambil gambar sepanjang program ii. Merancang sesi bergambar
16.	Dokumentasi	1. Pn. Gloria anak Ajit 2. Pn. Josephine Brandy	i. Menyediakan kertas kerja program ii. Menyediakan laporan lengkap program

Nota: *Cadangan menu adalah makanan tradisional masyarakat Dayak*